

31/08/2001

PM sertai 100,000 warga kota sambut Ambang Merdeka

KUALA LUMPUR, Khamis - Ambang Merdeka 2001 disambut meriah dalam suasana warna-warni oleh pemimpin dan rakyat jelata pelbagai lapisan di seluruh negara tepat jam 12 tengah malam tadi.

Sambutan peringkat kebangsaan diadakan di Dataran Merdeka. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendahului kira-kira 100,000 warga kota melaungkan 'Merdeka' sejurus detik pertama tepat jam 12 tengah malam.

Laungan Merdeka sebanyak tujuh kali oleh Perdana Menteri disambut rakyat Malaysia pelbagai kaum bergema di angkasa, membawa semangat kebangsaan padu yang dilaungkan Tunku Abdul Rahman, pada detik 12 tengah malam 31 Ogos 1957.

Perdana Menteri kelihatan menahan sebak semasa melaungkan 'Merdeka'.

Jalur Gemilang dikibarkan serentak dengan laungan kemerdekaan, diikuti nyanyian lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia diikuti ledakan bunga api selama 10 minit.

Terdahulu Dr Mahathir menerima deklarasi kemerdekaan yang ditandatangani oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri. Deklarasi Kemerdekaan itu disampaikan oleh Presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM), Yazid Othman yang juga Ketua Ekspedisi Jelajah Merdeka 2001.

Program Ekspedisi Jelajah Merdeka 2001 sempena Hari Kebangsaan ke-44 anjuran PWM disertai oleh 444 motosikal berkuasa tinggi, yang menjelajah sejauh 1,914 kilometer bermula 24 Ogos dan berakhir, esok.

Bahang kemerdekaan dapat dirasakan seawal jam 6 petang apabila orang ramai berpusu-pusu membanjiri Dataran Merdeka dan dihiburkan dengan persembahan artis terkenal seperti Senario dan Jamal Abdillah.

Perayaan Ambang Merdeka turut disambut di seluruh negara yang diketuai ketua menteri dan menteri besar.

(END)